

CNS.9264 .

R PB 27-07 00181 BA299

aab .

UMNO - perhimpunan

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama)-- Perhimpunan Agung Umno akan diadakan dari 7 hingga 10 Nov ini, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Seperti biasa perhimpunan bermula dengan mesyuarat pergerakan pemuda dan wanita par-la 7 Nov sebelum mesyuarat agung parti pada tiga hari berikutnya, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat IJmno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Selain menetapkan tarikh perhimpunan agung, mesyuarat itu juga bersejua dengan perlantikan Timbalan Ketua Perhubungan IJmno Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai anggota majlis tertinggi dan Encik Railey Haji Jeffrey sebagai Ketua Pemuda IJmno Sabah.

Datuk Set-i Dr Mahathir berkata walaupun Encik Railey berusia lebih sedikit daripada had umur untuk pergerakan pemuda, kebenaran khas diberikan kepadanya memegang jawatan itu untuk tempoh sementara dalam pstringkat penajaan bagi menyusun pergerakan pemuda Umno di Sabah.

Encik Railey, Timbalan Menteri Penerangan, merupakan bekas Ketua Pemuda Umno sebelum menyertai Umno apabila parti itu berkembang ke Sabah awal tahun ini.-- Lagi

♥27/07/15-01MST

^
CNS9277

R PR 27-07 00152 BA301

aab

UMNO - perhimpunan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan perlantikan tiga lagi timbalan ketua perhubungan Umno negeri terdiri daripada Speaker Dewan Undangan negeri Perak Datuk Arshad Abdullah (Perak), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Syed Hamid Albar (Wilayah Persekutuan) dan anggota exco kerajaan negeri Kedah Datuk Abdullah Ismail (Kedah).

Kedudukan ketua dan timbalan ketua perhubungari negeri-negeri Yang lain sudahpun di umumkan sebelum ini .

Pada mesyuarat itu, Majlis Tertinggi menerima permohonan bekas Ketua Semangat 46 Kedah, Datuk Zainol Abidin Johari, bekas naib presiden Part-i Bersatu Sabah Datuk Salleh Tun Said Keruak dan dua bekas anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan Wan Najib Wan Mohamed (Limbongan) clan Haji Nordin Salleh (Sungai Pinang) menganggotai IJmno.

+Mereka ini adalah dari parti di luar IJmno maka keputusan majlis tertinggi diperlukan untuk permohonan mereka,+ kata Perdana Menteri.

Beliau berkata keanggotaan Umno kini 1,612,612. -- lagi

♥27/07/15-24MST

CNS9292

R PB 27-07 00148 BA305

aab

UMNO - perhimpunan 3 Kuala Lumpur

Msnjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga membincangkan kedudukan Wan Najib dan Haji Nordin tetapi tidak membuat apa-apa keputusan kerana kes mereka belum selesai di mahkamah.

Ketika ditanya sama ada Wan Najib dan Haji Nordin akan dipilih untuk bertanding semula sskiranya pilihan raya kecil diadakan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

+Kitaakan menyeberang sungai apabila kita sampai ... belum sampai sungáí lagi+.

Laporan akhbar semalam menyatakan Suruhanjaya Pilihanraya akan bermesyuarat Isnin ini berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 24 Julai yang mengenyepikan perintah sementara yang menghalangi SPR daripada mengadakan pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 3 Julai memecat Wan Najib dan Haji Nordin menjadi anggota dewan berdasarkan undang-undang negeri yang melarang anggota dewan daripada menukar parti.-- Bernama

♥27/07/15-49MST